

SULIT  
1103/1  
Bahasa  
Melayu  
Kertas 1  
September  
2008  
2 ¼ jam

1103/1

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2008**

**ANJURAN BERSAMA**



**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA  
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA (CAWANGAN) PERLIS  
DAN JABATAN PELAJARAN PERLIS**



---

**BAHASA MELAYU**

Kertas 1

Dua jam lima belas minit

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab soalan Bahagian A dan satu soalan daripada Bahagian B.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 3 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak

[Lihat sebelah


## Bahagian A

[ 30 markah ]

[ Masa dicadangkan : 45 minit ]

Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang usaha-usaha untuk mempertahankan budaya warisan bangsa di negara kita. Panjang huraian anda hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.


## BUDAYA WARISAN




Gotong-royong majlis perkahwinan



Tarian Naga



Kumpulan kompong



Adat Persandingan

[Lihat sebelah

**Bahagian B**

[ 100 markah ]

[ Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit ]

**Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.**

1. Penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum dapat membina sifat kepimpinan, disiplin diri yang tinggi, dan perpaduan dalam kalangan pelajar.

Ulaskan pernyataan di atas.

2. Anda mewakili Jabatan Perpaduan dan Intergrasi telah ditugaskan untuk menyampaikan ceramah kepada penduduk setempat. Ceramah anda berkaitan tentang peranan institusi keluarga dalam pembentukan sahsiah remaja.

Tulis ceramah anda selengkapnya.

3. Sejak akhir-akhir ini, gejala kanak-kanak hilang semakin menjadi-jadi. Pelbagai pihak mula memberikan perhatian serius terhadap isu ini.

Bincangkan peranan yang harus dipikul oleh ibu bapa dan masyarakat dalam usaha menangani gejala tersebut.

4. Penganjuran sukan bertaraf antarabangsa dapat memupuk kerjasama serantau dan mendatangkan pelbagai kebaikan.

Huraikan kebaikan penganjuran sukan bertaraf antarabangsa kepada rakyat dan negara.

5. Sastera tradisional seperti pantun, syair, gurindam, dan seloka merupakan khazanah bangsa yang wajar dihayati oleh generasi muda. Malangnya dewasa ini, khazanah tersebut semakin dipinggirkan.

Berikan cadangan anda tentang langkah-langkah untuk menarik minat golongan muda terhadap sastera tradisional.

**KERTAS SOALAN TAMAT**